

28 DEC 2002

Singapura-Batu Puteh/I

S'PURA METERAI PERJANJIAN BATU PUTEH DENGAN M'SIA PADA JAN 2003

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Kerajaan Singapura akan menandatangani Perjanjian Khas dengan Kerajaan Malaysia bagi merujuk tuntutan bertindih ke atas pulau Batu Puteh ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), Januari depan, kata Menteri Luar Singapura Prof S. Jayakumar hari ini.

Beliau berkata: "Pegawai kami akan membincangkan tarikh untuk tujuan itu."

"Kamu bersedia pada bila-bila masa," katanya ketika menjawab pertanyaan media di Singapura. Transkrip kenyataan beliau itu dikeluarkan oleh pejabat Suruhanjaya Tinggi Singapura di sini untuk media tempatan.

Beliau berkata: "Kita perlu mencari tarikh yang sesuai bagi kedua-dua Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar dan saya. Saya tahu ada satu mesyuarat pada Januari yang saya dan Syed Hamid akan hadiri - mungkin kita boleh memeterai perjanjian ketika itu."

Jayakumar berkata adalah tidak munasabah untuk mengatakan Singapura sengaja lewat-lewatkan pemeteraian Perjanjian Khas itu dan mendakwa bahawa Singapur adalah yang mula-mula mencadangkan supaya isu itu diselesaikan secara aman menerusi ICJ, iaitu seawal 1989, tanpa menjejaskan hubungan dua hala.

Beliau juga berkata Singapura berkongsi pandangan yang sama dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa undang-undang antarabangsa mengenai pertikaian wilayah perlu dihormati dan sebarang konfrontasi dielak.

Jayakumar berkata Singapura mahu menyelesaikan isu itu secara aman, tanpa menjejaskan hubungan dua hala dan bersedia "melaksanakan peringkat seterusnya dalam proses ke ICJ dengan menandatangani perjanjian khas."

Beliau berkata demikian sebagai menjawab dakwaan Malaysia bahawa Singapura sengaja lewat-lewatkan proses menandatangani perjanjian khas mengenai Pulau Batu Puteh.

Menjawab soalan mengenai kenyataan Dr Mahathir baru-baru bahawa Malaysia berhasrat merujuk isu air ke Mahkamah Penimbangtara Tetap (PCA), beliau berkata: "Singapura lebih suka perbincangan diteruskan, tetapi meliputi kedudukan air semasa dan akan datang, supaya perjanjian sama-sama menang boleh diputuskan."

Dalam keadaan ini kata Jayakumar, jika Malaysia mahu merujuk isu itu ke PCA, Singapura tidak mempunyai pilihan dan terpaksa akur kerana tidak wajar masalah ini terus berlarutan dan mengganggu hubungan dua hala.

Merujuk kepada PCA, beliau berkata kedua-dua negara boleh menyelesaikan kebuntuan supaya Malaysia dan Singapura dapat meneruskan hubungan dua hala dan bekerja bersama-sama dalam menangani banyak lagi masalah yang mendesak.

Jayakumar berkata: Singapura beranggapan bahawa Malaysia sudah kehilangan hak untuk mengkaji semua harga air tetapi kami bersedia membincangkan semakan semula harga air dan sebagai balasannya, perjanjian untuk bekalan air pada masa akan datang, ditandatangani.

"Tetapi Malaysia mendesak kami menerima hak daripada segi undang-undang untuk semakan semula atau kami tidak boleh membincangkan mengenai bekalan air pada masa akan datang."

"Dengan kedua-dua pihak bertahan dengan pandangan masing-masing, sukar untuk bergerak ke hadapan untuk menyelesaikan isu air itu," katanya.

Jayakumar berkata: "Kami lebih suka isu ini diselesaikan menerusi rundingan lanjut, jika boleh. Malah, walaupun selepas Malaysia membatalkan

pendekatan pakej yang dicadangkan, kami tetap mengatakan bahawa kami bersedia mengadakan rundingan membabitkan isu air sahaja," katanya.

Bagaimanapun jika Malaysia hanya mahu membincangkan mengenai kedudukan air semasa dan bukan bekalan air akan datang, Singapura tidak boleh memaksanya untuk meneruskan perbincangan, katanya.

-- BERNAMA

MFZ HK LAT